

Malaysia-Jepun fokus kerjasama ekonomi

PETALING JAYA: Malaysia dan Jepun terus memperkukuh hubungan kedua-dua negara selain membuka lebih banyak kerjasama dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu dibincangkan selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida, sempena Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Jepun bermula semalam hingga 18 Disember ini.

Menurut beliau, antara bidang diberi fokus ialah ekonomi, pertahanan dan keselamatan, sains, teknologi, inovasi, persekitaran dan pertukaran budaya.

"Hari pertama lawatan kerja penuh bermakna. Adalah mustahak untuk Malaysia memastikan hubungan dengan Jepun terus maju dan menarik minat lebih banyak pelaburan demi kemajuan dan potensi ekonomi negara.

"Kami turut membincangkan kaedah untuk mengembangkan


lagi kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pertahanan, tenaga dan alam sekitar," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Anwar berkata, beliau juga menggunakan kesempatan pertemuan bagi menghargai sokongan dan solidariti Jepun terhadap konflik Israel-Palestin.

Pada September lalu, ASEAN dan Jepun sepakat untuk menubuhkan Perkongsian Strategik Komprehensif yang substantif dan saling menguntungkan.

Terdahulu, Anwar mengadakan lawatan kerja ke Jepun untuk menyertai Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Jepun.

Sidang kemuncak peringatan itu dijangka memperakukan Kenyataan Wawasan Bersama dan Pelan Pelaksanaannya yang akan menjadi dokumen-dokumen panduan untuk melakar hala tuju strategik perkongsian ASEAN-Jepun untuk masa hadapan.



ANWAR Ibrahim berjabat tangan dengan Fumio Kishida di Pejabat Perdana Menteri Jepun di Tokyo, semalam.